

SIARAN AKHBAR

Daripada Sylke Becker
Telefon +49 69 756081-33
Telefaks +49 69 756081-11
E-mel s.becker@vdw.de

EMO Hannover 2019 – Pesta dagang pertukangan logam yang terkemuka di dunia kini mula diatur

- **Pelantar inovasi pertukangan logam menarik kunjungan peserta industri dan pelabur dari merata dunia**
- **Tajuk hangat perangkaian sedang mengubah latar pengeluaran perindustrian**

Kuala Lumpur, Malaysia, 16 Januari 2019. – EMO yang ke-22 akan membuka pintunya dari 16 hingga 21 September 2019 di Hanover. Sekali lagi, pesta dagang pertukangan logam yang terkemuka di dunia ini akan diadakan di Jerman, pasaran perkakas mesin yang ketiga terbesar di dunia. “Semua pengilang besar teknologi pengeluaran akan mempersembahkan produk dan perkhidmatan mereka di Hanover dalam pameran pengeluaran perindustrian yang terbesar dan paling menyeluruh ini. Tiada sesiapa pun yang patut melepaskan peluang menghadirinya,” kata Encik Christoph Miller, Pengarah Urusan EMO Hannover daripada VDW (Persatuan Pembina Perkakas Mesin Jerman), iaitu penganjur EMO, di Frankfurt am Main, Jerman.

Lebih daripada 1,780 pempamer dari 41 buah negara telah memohon setakat tarikh tutup pendaftarannya, iaitu 1 Disember 2018. Syarikat yang ingin turut serta merangkumi peneraju pasaran dalam semua bidang teknologi, seperti DMG Mori, FFG, Mazak, Siemens, Grob, Doosan, Fanuc, Okuma, Makino, Index, GF Machining Solutions, Chiron, Trumpf, SLM,

Stratasys, Paul Horn, Iscar, Sandvik, Kuka dan banyak lagi. Syarikat-syarikat baharu menyertai mereka setiap hari.

EMO Hannover adalah satu-satunya pelantar pertukangan logam yang benar-benar bersifat antarabangsa. Tidak seperti semua pesta dagang lain yang digambarkan sebagai antarabangsa berdasarkan pempamernya, EMO Hannover juga menarik kunjungan peserta perdagangan dari merata dunia. Pada tahun 2017, hampir separuh daripada pengunjungnya yang seramai 130,000 itu datang ke Hannover dari luar Jerman, iaitu dari kira-kira 160 buah negara. Kadarnya meningkat kepada 64 peratus dalam kalangan pempamer.

“EMO Hannover ialah pelantar inovasi yang tidak dapat dipertikaikan bagi mesin, penyelesaian, dan perkhidmatan pertukangan logam,” kata Encik Miller. Pada tahun 2017, 72 peratus daripada pempamer mengatakan bahawa mereka membawa ke Hannover hasil inovasi yang telah dicipta khususnya untuk EMO. Menurut Encik Miller, “Perkara begini tidak akan berlaku di mana-mana pesta lain.”

EMO Hannover mempamerkan teknologi pintar bagi kilang pintar

EMO Hannover sedang menyahut salah satu cabaran yang terbesar dalam industri ini, melalui temanya, *Teknologi pintar mendorong pengeluaran hari esok!*. “Apa yang pasti bagi kilang-kilang pintar ialah perangkaian yang menyeluruh antara manusia, kilang dan proses perniagaan sepanjang seluruh rantai nilai,” kata Encik Miller daripada VDW. Perangkaian dalam industri semakin luas digunakan kerana kuasa pemproses yang lebih tinggi memungkinkan pemprosesan data yang banyak. Institusi penyelidikan pasaran antarabangsa, International Data Corporation, menganggarkan bahawa 30 bilion unit swasta dan perindustrian sedunia boleh dirangkaikan menjelang tahun 2020.

Teknologi pintar ialah kunci produktiviti yang lebih tinggi, kualiti yang lebih baik dan fleksibiliti yang lebih banyak. Inilah matlamat lazim bagi perkembangan baharu dan selanjutnya dalam teknologi pengeluaran. Pendigitalan dan perangkaian kilang pintar juga mewujudkan tugas-tugas baharu seperti pemantauan proses atau penyelenggaraan ramalan, yang berada selangkah ke depan dengan ciptaan mesin-mesin belajar sendiri yang menggunakan data pintar atau analisis data. Hal ini menyediakan asas model perniagaan baharu seperti ekonomi pelantar, yang membolehkan pelanggan dan pemberi khidmat mencapai kecekapan yang lebih tinggi.

Keutamaan tertinggi bagi hampir setiap pempamer EMO adalah untuk menawarkan penyelesaian yang baharu lagi kreatif. Konsep-konsep baharu Industri 4.0 sedang muncul dari

setiap sudut bagi mesin, komponen, kawalan, sistem pengukuran dan aliran bahan. “Kami yakin bahawa EMO Hannover 2019 akan menawarkan produk dan penyelesaian baharu bagi kilang pintar,” kata Encik Miller.

IoT dalam Pengeluaran – Tumpuan penting EMO Hannover 2019

IoT akan diberkaskan ke dalam pelbagai gugusan di EMO Hannover untuk menyerlahkan setiap sudut Industri 4.0:

Kawasan pameran yang dikhaskan untuk IoT dalam pengeluaran Ruang ini dikhaskan untuk mempamer bidang teknologi pengawalan, perisian dan teknologi pengautomasian. Pengilang alat kawalan yang ternama seperti Beckhoff, Bosch, Fanuc, Heidenhain dan Siemens, serta konsortium kejuruteraan seperti Adamos dan Axiom, telah mempamerkan pelantar IT masing-masing semasa EMO Hannover 2017. “Kami tahu bahawa suasana di kawasan pameran ini juga sangat menarik untuk pemberi khidmat IT seperti IBM, HP, GE, SAP, Microsoft Oracle, Telekom dan sebagainya, yang mahu memajukan perniagaan melalui gandingan dengan pengilang teknologi pengeluaran,” kata Encik Miller. EMO Hannover tepat sekali bagi tujuan ini kerana semua pembuat keputusan daripada seluruh rantai nilai teknologi pengeluaran berada di sini, dan mereka semua berminat melihat segala-galanya, daripada pembangunan produk kepada pengeluarannya, pengurusan kualiti dan juga logistik. Encik Miller menyimpulkan bahawa, “Perancang pengeluaran hari ini tidak hanya melabur ke dalam mesin tetapi mereka juga mahu melihat penyelesaian yang bersepadu, dan pesta dagang lain tidak menawarkannya dalam bentuk yang begitu tertumpu seperti EMO Hannover.”

Pertunjukan khas: *Ruang Industri 4.0 - penyelesaian pintar untuk perniagaan anda*

Syarikat yang inovatif dan institusi penyelidikan yang ternama mempersembahkan penyelesaian pintar yang bertujuan meninggikan lagi tahap kejayaan pelanggan di ruang *Industri 4.0*. Antara yang dipamerkan ialah komponen pintar bagi pemantauan proses atau sokongan pengendali, penyelesaian yang melancarkan aliran data sambil menjaga keselamatannya, dan banyak lagi. Pertunjukan khas ini juga akan menampilkan wakil-wakil bidang penyelidikan yang akan menyampaikan perkembangan saintifik yang terkini. Selain itu, forum pakar akan menawarkan peluang membincangkan produk-produk yang ada dan juga wawasan masa depan bersama kumpulan pakar yang luas. VDW sedang menyusun pertunjukan khas ini bersama Kumpulan Media Konradin.

Gerai kebangsaan Beberapa gerai kebangsaan juga akan didirikan di ruang ini. VDW sedang berunding dengan China, Perancis, Jepun, Switzerland dan Taiwan. Masing-masing

mempunyai inisiatif Industri 4.0 atau IoT di negara sendiri dan dijemput mempersembhkannya di EMO Hannover 2019.

Forum Tentang Trend Industri 4.0 Selain itu, VDW telah berganding bahu dengan persatuan Perisian VDMA (Persekutuan Kejuruteraan Jerman), organisasi naungan kejuruteraan mekanikal dan kilang, iaitu sektor pelanggan yang kedua terbesar bagi perkakas mesin. Mereka akan sama-sama menganjurkan sebuah forum berkaliber tinggi tentang trend Industri 4.0 dan pembelajaran mesin yang terkini, termasuk penyampaian dan perbincangan panel yang akan berlangsung sepanjang EMO. Masa depan kerja akan menjadi tumpuan selanjutnya.

umati – bahasa sepunya Industri 4.0 Piawaian antara muka perkakas mesin berdasarkan OPC UA, berserta semua kefungsiannya, akhirnya akan dipersembahkan semasa EMO Hannover 2019. Bahasa ini menyediakan hubungan yang neutral dan terbuka antara mesin dengan sistem IT yang bertahap lebih tinggi. Inilah prasyarat kejayaan Industri 4.0. Hanya dengan inilah baru data daripada setiap pengilang mesin yang menggunakan sistem pengawalan yang berbeza dapat dipindahkan ke sistem ERP dan MES ataupun ke dalam cloud. Di situ, data tersebut diproses selanjutnya ataupun dinilai dan dengan itu membentuk asas perkhidmatan dan fungsi baharu.

Hubungan ini ialah kunci semua model yang ditambah nilai dan model perniagaan yang diharapkan daripada Industri 4.0 oleh ekonomi. Syarikat yang kecil dan sederhana besar khususnya berharap bahawa mereka akan dapat menghubungkan mesin-mesin dengan berkesan supaya berpeluang menyertai perkembangan IoT yang baharu. Hubungan ini akan menolong mereka bertumpu pada kecekapan teras masing-masing dalam urusan harian mereka.

Inilah sebabnya VDW, lapan pengilang perkakas mesin Jerman yang terkenal dan semua pembekal alat kawalan utama melancarkan antara muka *umati* lebih daripada setahun dahulu. *umati* ialah singkatan bagi *universal machine tool interface* (antara muka perkakas mesin semesta). Setakat ini, lebih daripada 20 kegunaannya telah dikenal pasti. Antaranya ialah imbasan keseluruhan keadaan pengeluaran, kemajuan program dan kedudukan mesin, pengendalian tempahan pengeluaran, penghasilan statistik ralat, dan keadaan pengendalian mengikut aliran masa. Semua ini digambarkan dengan 100 lebih parameter, contohnya “Mesin berjalan ya/tidak”. Sebuah kumpulan kerja bersama ditubuhkan bagi tujuan OPC UA pada penghujung tahun 2018. Komuniti perkakas mesin antarabangsa kini dapat sama-sama menyemak dan menyebarkan piawaian tersebut.

Matlamatnya adalah untuk mempamerkan pelaksanaan spesifikasi yang lengkap semasa EMO Hannover 2019, setakat yang ada pada ketika itu, bersama sebilangan besar rakan kongsi. “VDW mengandaikan bahawa produk terawal akan ditawarkan, menggunakan pelayan OPC UA yang dikonfigurasi dan disepadukan terus ke dalam unit kawalan berdasarkan spesifikasi,” jelas Encik Miller.

EMO Hannover menyampaikan tajuk-tajuk tentang masa depan bidang pengeluaran perindustrian

EMO Hannover 2019 akan meliputi segala cabaran yang berkait dengan pengeluaran, daripada teknologi mesin dan penyelesaian IT sehinggalah dunia kerja yang kian berubah. Pesta ini akan menunjukkan betapa produktif, cekap dan fleksibel lagi generasi mesin yang akan datang ini. Dengan adanya banyak lagi acara sokongan, akan nyatalah bahawa pengeluaran yang dirangkaikan semakin berkembang ke semua bidang. Pemprosesan tempahan, persediaan dan perancangan pengeluaran, dan logistik semuanya akan berubah. Tugas dan perkhidmatan baharu sedang dicipta. Dan orang yang bekerja dalam industri ini perlu diajar kemahiran untuk melaksanakan tugas-tugas ini. “Banyak yang dapat ditawarkan oleh EMO Hannover 2019 tentang semua tajuk ini. Penganjur EMO akan menyokong apa yang ditawarkan oleh pempamer dengan pelbagai acara dan pertunjukan khas. EMO sekali lagi akan menjadi tempat tumpuan teknologi pengeluaran antarabangsa dan akan menunjukkan arah perkembangan pada tahun-tahun yang akan datang,” kata Encik Miller menyimpulkan VDW.

EMO Hannover 2019 - Pesta dagang yang terulung di dunia bagi sektor pertukangan logam

Dari 16 hingga 21 September 2019, para pengilang teknologi pengeluaran antarabangsa akan mempersembahkan teknologi pintar di EMO Hannover 2019. Dengan cogan kata, “Teknologi pintar mendorong pengeluaran hari esok”, pesta dagang yang terulung di dunia bagi industri pertukangan logam akan mempamerkan seluruh barisan teknologi pertukangan logam zaman moden, yang menjadi teras setiap proses pengeluaran perindustrian. Pesta ini akan mempamerkan mesin-mesin yang terkini, penyelesaian teknikal yang cekap, perkhidmatan sokongan produk, daya tahan pada proses pengeluaran, dan banyak lagi. Tumpuan utama EMO Hannover adalah pada perkakas pemotongan logam dan mesin pembentukan, sistem pengeluaran, perkakas kejituan tinggi, aliran bahan berautomasi, teknologi komputer, barangan elektronik perindustrian, dan aneka aksesori. Pengunjung perdagangan ke EMO merangkumi semua sektor utama industri, seperti pengilang jentera dan kilang, industri automotif dan pembekal komponennya, sektor ruang angkasa, ilmu mekanik dan optik kejituan, pembinaan kapal, teknologi perubatan, pengilang perkakas dan acuan, serta pembinaan keluli dan logam ringan. EMO Hannover ialah tempat perjumpaan antarabangsa yang terpenting bagi pakar teknologi pengeluaran dari merata dunia. EMO Hannover 2017 telah menarik penyertaan hampir 2,230 pempamer dari 44 buah negara, dan kira-kira 130,000 pengunjung perdagangan dari 160 buah negara. EMO ialah tanda dagang berdaftar Persatuan Industri Perkakas Mesin Eropah, CECIMO.

Anda boleh mendapatkan teks dan imej yang berkait dengan EMO Hannover pada internet di: www.emo-hannover.de/bilddatenbank. Ikutilah perjalanan EMO Hannover melalui saluran media sosial kami



http://twitter.com/EMO_HANNOVER



<https://de.industryarena.com/emo-hannover>



www.linkedin.com/company/emo-hannover



<http://facebook.com/EMOHannover>



<http://www.youtube.com/metaltradefair>